

Awang Rasau baham ternakan penduduk ditemui cedera ditembak

Harimau belang 160kg ditangkap

KOSMO 23/2/2021 m/s 2

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

DUNGUN – Kerisauan lebih 300 peneroka di Felda Kerteh 3 dan Kerteh 4, Ketengah Jaya di sini berakhir selepas seekor harimau belang yang membaham 35 ekor lembu ternakan penduduk akhirnya ditangkap semalam.

Haiwan jantan seberat lebih 160 kilogram (kg) yang digelar 'Awang Rasau' itu ditangkap di ladang kelapa sawit Felda Kerteh 3 pada pukul 11.30 pagi.

Penolong Pegawai Hidupan Liar Kanan Pusat Penyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC), Nik Mohd. Zamani Awang berkata, pihaknya dan Jabatan Perhilitan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) menerima maklumat penemuan harimau daripada penduduk kampung kelmarin.

"Kami memulakan operasi pada pukul 8 pagi tadi (semalam) dan mengambil masa hampir empat jam untuk menangkap harimau belang tersebut.

"Haiwan itu dijumpai kira-kira tiga kilometer dari lokasi yang dimaklumkan penduduk kampung," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Perhilitan Dungen di sini semalam.

Terdahulu, dua video berdurasi 0.29 saat dan 0.54 saat memaparkan seekor harimau yang



KERATAN Kosmo! 21 Februari 2021.

cedera itu di bahagian kaki tular di media sosial.

Nik Mohd. Zamani berkata, semasa dijumpai, harimau belang berusia antara 14 dan 16 tahun itu cedera dan cuba melarikan diri ke kawasan hutan berhampiran untuk menyelamatkan diri.

Beliau berkata, pak belang tersebut ditemui dengan kesan kecederaan di beberapa bahagian badan termasuk perut dan belakang dipercayai ditembak oleh pemburu haram.

"Haiwan itu yang turut mengalami kecederaan di belakang badan dan kaki belakang bergelantungan dengan hanya bergantung pada kaki hadapan.

"Awang Rasau' akan dibawa balik ke NWRC, Sungkai, Perak untuk rawatan lanjut," katanya.

Dalam pada itu, Nik Mohd. Zamani tidak menolak kemungkinan harimau tersebut merupakan haiwan yang membaham ternakan



ANGGOTA Perhilitan mengangkut harimau belang seberat 160kg yang ditemui di ladang kelapa sawit Felda Kerteh 3, Ketengah Jaya, Dungen semalam.

kan milik penternak kawasan itu sebelum ini.

Sementara itu, peneroka Felda Kerteh 3, Rosli Abas, 58, berkata, dia menarik nafas lega berikutan

wasan ladang.

"Saya sentiasa berjaga-jaga sekiranya masuk ladang seorang diri. Rasa lega apabila haiwan itu ditangkap," katanya.